

RASULULLAH SAW CONTOH TERBAIK

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT di mana-mana jua kita berada dengan taqwa yang sebenar-benar. Setiap Jumaat Khatib mengulang-ulangi perkara ini supaya umat Islam benar-benar menjadi umat bertaqwa yang dikehendaki Allah SWT. Bertaqwa dengan menjunjung dan melaksanakan perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas semata-mata kerana Allah jua.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Beribadahlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang yang) bertaqwa”. (Surah Al-Baqarah, ayat: 21)

Ayat ini menegaskan kepada umat Islam supaya beribadat dan sembahlah Allah SWT untuk mencapai darjat hamba Allah yang bertaqwa. Kerana Allah SWT-lah yang menciptakan sekalian alam termasuk kita umat manusia. Inilah dasar Tauhid yang menjadi roh dan asas agama Islam.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Rasulullah SAW adalah contoh terbaik, marilah kita jadikan baginda SAW contoh ikutan dalam segala perkara, aqidah, amal ibadah, akhlak, kehidupan dan sebagainya. Untuk itu, mimbar Jumaat hari ini ingin mengajak jemaah sekalian menghayati, tiga perkara, iaitu:

1. Kepimpinan. Kepimpinan adalah antara perkara penting dalam kehidupan umat Islam bermula dari kepimpinan dalam institusi yang kecil rumahtangga, keluarga, kemudian dalam organisasi, institusi masyarakat hinggalah kepimpinan negeri dan juga negara.

Firman Allah SWT di dalam Al Quran:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً...^ط

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: 'Sesungguhnya Aku (Allah) hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...'" (Surah Al Baqarah, ayat: 30).

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, ayat ini menjelaskan maksud 'khalifah' ialah seorang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengatur kehidupan manusia di bumi dengan berdasarkan wahyu dan Syariat Allah SWT, supaya kehidupan manusia itu teratur dan mempunyai tujuan-tujuan hidup yang suci murni untuk mencapai keredhaan Allah 'Azza wa Jalla'.

Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam kepimpinan itu. Baginda SAW mengingatkan umat Islam bahawa setiap orang adalah pemimpin yang mempunyai tanggungjawab masing-masing yang wajib dilaksanakan dengan sempurna dan amanah, sabdanya yang bermaksud: "Semua kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya. Seorang imam adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas rakyatnya. Seorang suami adalah pemimpin dalam keluarganya dan bertanggungjawab atas kepimpinannya. Seorang isteri adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas penggunaan harta suaminya. Seorang khadam (pembantu) adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas harta tuannya (majikannya). Dan seorang anak lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap penggunaan harta bapanya". (HR Bukhari dan Muslim)

Pengajaran Hadith ini ialah menjelaskan tentang kepimpinan dan tanggungjawab yang diamanahkan ke atas diri seseorang. Rasulullah SAW memberikan lima model pemimpin yang dekat dengan hati kita semua, iaitu:

1. Imam atau pemimpin. Merujuk semua kepimpinan dalam masyarakat dari gelaran kecil hingga gelaran besar atau dari jawatan ketua rumah, ketua pejabat, ketua organisasi, ketua institusi, ketua jabatan, ketua syarikat, ketua daerah hingga kepada ketua negeri dan negara.
2. Suami. Merujuk ketua keluarga dalam sebuah rumahtangga yang mempunyai anak isteri. Ada tanggungjawab dan amanah besar.
3. Isteri. Merujuk sebagai ketua dalam menguruskan rumahtangga termasuk pengawalan kepada harta milik suami.
4. Khadam atau pembantu. Merujuk kepada semua yang bergelar pembantu dalam apa jua organisasi atau institusi. Mereka menjadi ketua kepada segala harta majikannya.
5. Anak lelaki. Merujuk kepada anak-anak yang akan berfungsi sebagai ketua dalam tanggungjawab menjaga dan mengurus harta bapa/ibubapa mereka.

Kelima-lima contoh pemimpin yang disebut oleh baginda Rasulullah SAW ini memandu umatnya dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Sebab setiap yang bergelar pemimpin atau imam atau ketua akan bertanggungjawab dan akan disoal tentang kepimpinannya di dunia, apatah lagi di akhirat kelak.

Oleh itu, sebagai pemimpin atau ketua dalam apa jua jurusan. Marilah kita tanamkan niat dan kesungguhan untuk melaksanakan dan menyempurnakan segala tanggungjawab dan amanah dalam kepimpinan yang diserahkan kepada kita.

JEMAAH JUMAAT YANG BUDIMAN,

Rasulullah SAW adalah contoh model terbaik. Pasti tidak ada lagi yang terbaik selain daripada diri Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: "Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang terbaik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)". (Surah Al-Ahzab, ayat: 21)

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan bahawa Allah Ta'ala memuji Rasulullah SAW dan mensifatkan baginda sebagai contoh yang terbaik bagi orang yang beriman, dengan akhlak dan perbuatannya yang mulia, kerana baginda telah menghadapi saat yang genting (sepanjang perjalanan dan perjuangannya membawa risalah Islam kepada umat manusia) dengan tabah hati dan gagah berani.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang beriman rugi bila kita menolak tuah, yakni tidak mahu mengikuti Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam segala bidang dan kehidupan.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

2. Aqidah dan ibadah. Aqidah dan ibadah merupakan dua perkara yang tidak boleh terpisah. Dalam menegakkan dan mengajarkan perkara penting ini, Rasulullah SAW adalah contoh terbaik. Misi utama Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT ialah mengembalikan aqidah dan ibadah yang telah rosak di zaman jahiliyah dahulu.

Firman Allah SWT di dalam Al Quran:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ...

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah mengutus pada setiap umat seorang Rasul dengan perintah: "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah thoghut (syaitan, berhala dan apa sahaja yang menyesatkan)...". (Surah An-Nahl, ayat: 36)

Ayat ini, menegaskan supaya umat Islam menyembah dan beribadat kepada Allah SWT serta menjauhi semua jenis thoghut, iaitu syaitan, berhala dan apa saja yang menyesatkan.

Kerana itu, Rasulullah SAW dalam misi dakwahnya telah mengajak semua bangsa Arab, Parsi, Rom, Yahudi, Nasrani dan umat manusia supaya beriman dan menyembah Allah SWT. Namun, ada yang menerima, ada yang menolak, bahkan ada yang menentanginya sehingga sanggup mahu membunuh Rasulullah SAW. Bagaimanapun Rasulullah SAW tidak pernah gentar atau menghentikan dakwahnya yang merupakan perintah Allah SWT.

Oleh yang demikian, umat Islam khususnya golongan pendakwah, guru, ustaz-ustazah, ibubapa dan muda-mudi Islam hendaklah mengikut jejak langkah dan Sunnah Rasulullah SAW dalam kerja dakwah yang mulia dan suci ini, yakinlah bahawa sesungguhnya pertolongan Allah SWT pasti akan tiba kepada kita. Firman Allah SWT:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman! Kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu”*. (Surah Muhammad, ayat: 7)

Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menghuraikan ayat ini: ‘Yakni sehingga kamu dapat berjuang dengan gagahnya di medan pertempuran serta menjadikan kamu berpegang teguh kepada ajaran Islam’.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

3. Keutamaan perpaduan. Perpaduan juga adalah antara perkara penting dalam kehidupan umat Islam. Menjadi keutamaan baginda SAW dalam gerak dakwah yang dibawa ke tengah-tengah masyarakat di zamannya, sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa zaman jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara...”*. (Surah Ali ‘Imran, ayat: 103)

Berdasarkan mafhum ayat ini, Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya berpegang teguh dengan agama Islam, yakni mempelajari, memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran dan Syariat Islam dan jangan bercerai-berai. Ingatlah, sesungguhnya Allah SWT jualah yang menyatukan hati sesama umat Islam sehingga boleh hidup dalam persaudaraan dan perpaduan.

Taat kepada Allah SWT, taat kepada Rasul-Nya dan jangan berbantah-bantah sesama umat Islam pula, adalah kunci kekuatan dan perpaduan umat Islam, sebagaimana firman-Nya lagi:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar”. (Surah Al-Anfaal, ayat: 46)

Oleh itu, contohilah cara dan pendekatan Rasulullah SAW dalam melakukan persaudaraan sesama umat Islam antara golongan Muhajirin dengan Ansar.

Dan perlu diperingatkan bahawa Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW merupakan sumber dan panduan utama bagi umat Islam dalam aqidah, Syariat, ibadah, akhlak dan segala perkara berkaitan kehidupan manusia, termasuk pendidikan, ekonomi, pentadbiran, kepimpinan, perpaduan dan sebagainya, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Aku telah tinggalkan dua perkara. Kamu tidak akan sesat sama sekali selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu: Kitabullah (Al Quran) dan Sunnah Rasulullah SAW”. (HR Imam Malik dan Muslim)

Demikianlah, Rasulullah SAW adalah sebaik-baik contoh bagi seluruh umat Islam. Pasti beruntunglah dan berjayalah orang yang mengikut dan mencontohi Rasulullah SAW sama ada dalam perkara peribadi, kekeluargaan, kepimpinan, amal ibadah, akhlak dan sebagainya.

Mudah-mudahan kita akan memiliki peribadi yang mulia, keluarga yang mulia, anak-anak yang soleh/solehah, kepimpinan terbaik, kehidupan yang terbaik dan seterusnya menjadi umat terbaik yang mendapat petunjuk, keredhaan Allah SWT dan kebahagiaan di dunia dan akhirat, insya Allah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah